



Tarikh : 25 APRIL 2014



Dr. Rohana Sapawi
Jabatan Kejuruteraan Elektronik
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak

CEDEC, Engineering Campus
Universiti Sains Malaysia
14300, Nibong Tebal, Penang, Malaysia
Telephone 604 593 0801
Telephone 604 599 5800 (Direct)
Facsimile 604 593 0920
ohtman@cedec.usm.my
www.cedec.usm.my

Tuan/Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI FELO PUSAT USAHASAMA KECEMERLANGAN REKABENTUK
MIKROELEKTRONIK, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya dengan segala hormatnya ingin melantik tuan/puan sebagai Felo Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk MikroElektronik (Collaborative MicroElectronic Design Excellence Centre – CEDEC), Universiti Sains Malaysia.
3. **SILA AMBIL MAKLUM** bahawa pelantikan tuan/puan sebagai felo di CEDEC adalah tertakluk kepada terma dan syarat khusus dan am Universiti seperti berikut:
 - a) Pelantikan tuan/puan adalah bermula daripada tarikh mula kerja seperti yang dinyatakan di dalam surat ini iaitu daripada 25 April 2014 sehingga 31 Disember 2015;
 - b) Taraf pelantikan tuan/puan adalah berstatus staf sambilan Universiti dan tuan/puan adalah tertakluk kepada semua perundangan dan peraturan semasa Universiti yang berkaitan dengan staf sambilan Universiti. Rujukan lanjut berkenaan perkara ini boleh di buat ke Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Universiti Sains Malaysia; dan
 - c) Mematuhi segala arahan Universiti dan CEDEC yang dikeluarkan dari semasa ke semasa;

Di samping itu, tuan/puan juga adalah tertakluk kepada syarat dan tanggungjawab seperti berikut:-


- a) Menjalankan tanggungjawab dan tugas seperti yang dikehendaki oleh CEDEC dari semasa ke semasa;
- b) Memastikan pematuhan terhadap peraturan dan polisi semasa CEDEC termasuklah perkara dan peraturan berkaitan dengan memasukkan sekurang-kurangnya seorang staf CEDEC yang menyumbang sebagai pengarang bersama dalam dokumen yang dihasilkan melalui penyelidikan seperti manuskrip, buku, paten, produk, monograf, laporan dan lain-lain;
- c) Menghadiri mesyuarat dan majlis rasmi CEDEC tanpa gagal;
- d) Mengenalpasti sekurang-kurangnya seorang staf CEDEC sebagai penyelidik bersama sepanjang tempoh lantikan ini;
- e) Terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti anjuran CEDEC seperti pengendalian kursus, konsultasi, projek industri, pengajaran dan penyelidikan; dan
- f) Memastikan segala perkara berkaitan disiplin, integriti dan etika Universiti adalah terpelihara.

4. Sekiranya tuan/puan setuju dengan semua syarat dan tanggungjawab di atas, tuan/puan dikehendaki mengembalikan borang maklumbalas yang dilampirkan bersama-sama ini dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'

Yang ikhlas,



(PROFESOR DR. MOHD ZAID ABDULLAH)
Pengarah

s.k. Dekan
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Malaysia Sarawak